



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	24/6/2021	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PERHILITAN			



MAYAT lelaki berusia 38 tahun yang mati selepas diserang gajah ketika melakukan kerja-kerja pembersihan di Perkampungan Konservasi Gajah Kenyir.

# Ajal 'diserang' gajah

*Kejadian berlaku ketika melakukan kerja-kerja pembersihan*

Oleh Zatul Iffah Zolkiply  
zatuliffah@bme-  
tro.com.my

### Kuala Berang

Seorang penjaga gajah warga Thailand maut dipercayai diserang gajah ketika melakukan kerja pembersihan di Perkampungan Konservasi Gajah Kenyir di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 8.15 pagi, mangsa, Mr Anucha Tangsakun, 38, maut di tem-

pat kejadian akibat terkena gading ketika mahu membuka ikatan gajah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputy Superintendent Mohd Adli Mat Daud berkata, pihaknya menerima panggilan daripada pengawal keselamatan bertugas memaklumkan seorang daripada pe-

kerja diserang gajah ketika mahu mengurus rutin pembersihan dan makan.

Bellau berkata, sepasukan anggota disejarkan ke lokasi kejadian dan sebaik tiba di sana, mangsa sudah terbaring dan tidak bernyawa di kawasan lapang tempat gajah ditikat.

"Pemeriksaan lanjut menemui kesan terbelah di perut dan

luka di paha mangsa serta pengurusan memaklumkan emosi gajah yang berusia 22 tahun itu tidak stabil kerana sering diganggu gajah liar berhampiran.

"Dalam kejadian itu, gajah itu turut cedera di bahagian belalai akibat diserang ekor gajah liar jantan.

"Mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Hulu Terengganu untuk proses bedah siasat dan saringan Covid-19," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

**Mangsa ditemui terbaring dan tidak bernyawa di kawasan lapang tempat gajah ditikat**



GAJAH di Perkampungan Konservasi Gajah Kenyir.